



جَابَتْنِ مُفْتِي نِجَرِي قَيْرَاق دَارُ الرِّضْوَانِ
JABATAN MUFTI NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Mufti : 05-2424120
Pej. Am : 05-2545332
Faks : 05-2419694
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

Ruj. Kami: MN.PK.A351.IST/10/3 JLD 3 (8)

Tarikh: 15 Zulkaedah 1446H

13 Mei 2025M

**SEMUA PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR
(AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK**

Tuan/Puan,

BORANG SAGUHATI BAGI PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR (AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK TAHUN 2025

Adalah saya dengan segala hormat dan takzimnya, didoakan semoga Tuan/Puan dalam pemeliharaan Allah SWT dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Saguhati Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perak bagi tahun 2025 akan dibayar kepada yang layak menerimanya mengikut syarat kelayakan dan peraturan yang ditentukan seperti yang tercatat dalam borang saguhati Pemegang Tauliah Mengajar (Agama Islam) Negeri Perak.

3. Bersama ini disertakan **BORANG SAGUHATI PEMEGANG TAULIAH MENGAJAR (AGAMA ISLAM) NEGERI PERAK TAHUN 2025 dan butiran mengajar** untuk diisi oleh pihak Tuan/Puan. Borang saguhati tersebut boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap permohonan hendaklah mengisi borang yang telah disediakan dengan lengkap dan disertakan bersama:

- i) Salinan Kad Pengenalan yang telah ***disahkan**.
- ii) Salinan No. Akaun Bank/Pengesahan No. Akaun Bank yang telah ***disahkan**.
- iii) Salinan Perakuan Penetapan Tempoh Sah Pemegang Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perak yang telah ***disahkan**.

(*Salinan dokumen boleh disahkan oleh Majikan, Guru Besar/Pengetua @ mana-mana Pegawai Gred 41 ke atas)

4. Borang yang telah lengkap diisi dan ditandatangani oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah dihantar ke Jabatan Mufti Negeri Perak **sebelum atau pada tarikh 16/6/2025 (Isnin)**. Permohonan yang lewat diterima dari tarikh ini **tidak akan dipertimbangkan**. Pembayaran bagi yang memenuhi syarat akan dilakukan mulai bulan Ogos 2025. Kerjasama dan keprihatinan daripada tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan *jazakumullahu khairal jaza'*.

Sekian, wassalam.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI ZAMRI BIN HASHIM)

Timbalan Mufti

b.p. - Mufti Negeri Perak
Darul Ridzuan

BUTIRAN MENGAJAR BULANAN

Bil.	Mata Pelajaran	Nama Kitab	Tempat Mengajar	Hari Mengajar
Cth:	Hadis	Hadis 40	Masjid Muhibbudn Shah, Ipoh	Isnin Minggu Pertama
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				

Nota:-

1. Pemohon hendaklah mengajar sekurang-kurangnya **8 (lapan)** kali sebulan.
2. Hanya **masjid dan surau yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dalam Negeri Perak sahaja** diterima sebagai tempat pengajaran/pengajian.
3. Hanya permohonan beserta dengan **dokumen yang lengkap dan disahkan** sahaja akan dipertimbangkan seperti berikut:-

- i) Salinan **Kad Pengenalan**
- ii) Salinan **Nombor Akaun Bank**
- ii) Salinan * **Perakuan Penetapan Tempoh Sah**

Salinan dokumen boleh disahkan oleh
Majikan, Guru Besar/Pengetua @ mana-
mana Pegawai Gred 41 ke atas

Pemegang Tauliah Mengajar (Agama Islam) Negeri Perak yang telah disahkan.

4. Permohonan yang diterima **selepas 16 Jun 2025 (Isnin)** tidak akan dipertimbangkan.
5. Tandatangan Pegawai Tadbir Agama (PTA) mengikut daerah tempat tinggal @ majoriti tempat mengajar.
6. Guru Tauliah layak untuk memohon Saguhati Guru Agama Tauliah Mengajar Negeri Perak yang telah dianugerahkan tauliah sehingga tahun 2022 sahaja.
7. Saya dengan ini menyatakan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tarikh: _____

(Tandatangan Pemohon)

8. Pengesahan **Pegawai Tadbir Agama Daerah** (seperti pernyataan di para 5) atau Pengerusi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam Negeri Perak

9 Bahawa saya telah menyemak kenyataan di atas, menurut pendapat saya, saya ***menyokong / tidak menyokong** saguhati ini dibayar kepada penama di atas.

** catatan jika perlu*

Tarikh: _____

(Peg. Tadbir Agama Daerah)
Tandatangan/Cop Rasmi

(Ruangan ini di isi oleh Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan)

10. Adalah dengan ini diluluskan pembayaran saguhati sebanyak **RM600.00 (Ringgit Malaysia : Enam Ratus Sahaja)**

(Tandatangan dan Cop Rasmi)
b.p. Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

No. Rujukan Kelulusan MMK : Bil.1762-8.1.2014

MMK Bil: 53/08/01/2014

Bertarikh : 15.1.2014